



Tatakelakuan Perniagaan dan Etika

Kandungan

| | |
|---|----|
| Surat daripada Pengerusi | 2 |
| Kecemerlangan di Tempat Kerja dan Tatakelakuan Perniagaan dan Etika FedEx | 3 |
| Tingkah Laku yang Sah dan Beretika | 5 |
| Dasar Pintu Terbuka | 8 |
| Dasar Peluang Sama Rata dan Antigangguan | 9 |
| Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar | 10 |
| Hak Asasi Manusia | 12 |
| Konflik Kepentingan | 13 |
| Peluang Korporat | 16 |
| Hadiah, Keraian, Pinjaman atau Pertolongan Lain | 17 |
| Bayaran Tidak Wajar dan Rasuah | 19 |
| Kawalan Perdagangan Antarabangsa | 21 |
| Pencegahan Pengubahan Wang Haram | 22 |
| Perlindungan dan Penggunaan Sumber Syarikat | 23 |
| Maklumat Sulit, Privasi dan Perlindungan Data serta Permintaan Media | 25 |
| Berdagang dengan menggunakan Maklumat Dalaman | 27 |
| Aktiviti dan Sumbangan Politik | 28 |
| Undang-Undang Antitrust dan Saingan Lain A.S. | 29 |
| Laporan dan Kawalan Dalaman; Penyimpanan Rekod | 31 |
| Laporan Korporat dan Pendedahan Awam Maklumat Korporat | 32 |
| Laporan Mengenai Perakaunan, Perkara Pengauditan dan Penipuan | 33 |
| Laporan Kebimbangan; FedEx Alert Line | 34 |
| Tiada Tindakan Balas | 36 |
| Penepian | 37 |
| Penguatkuasaan | 38 |
| Nasihat Penutup | 39 |

Surat daripada Pengerusi



Reputasi kita merupakan aset strategik yang penting dan terpulang kepada kita semua untuk melindungi dan mempertingkatkanannya. Dalam persekitaran hari ini, reputasi korporat kita yang kuat adalah sangat berharga.

Kita telah lama mempunyai komitmen untuk mematuhi undang-undang di mana sahaja kita beroperasi dan mengekalkan standard etika perniagaan dan peribadi yang tinggi. Pernyataan Misi Korporat kita menyatakan dengan jelas, "Aktiviti korporat akan dijalankan mengikut standard etika dan profesional yang tertinggi."

Setiap pengarah, pegawai dan pekerja FedEx dikehendaki mematuhi dasar dalam Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini. Pihak ketiga yang menjalankan perkhidmatan bagi pihak FedEx juga dikehendaki bertindak selaras dengan prinsip-prinsip yang dikemukakan dalam Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini.

Sila baca Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini untuk mengembangkan pengetahuan secukupnya tentang undang-undang dan peraturan yang mempengaruhi kerja anda secara langsung. Memandangkan Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini tidak dapat merangkumi setiap situasi, adalah penting bagi anda untuk juga membaca dasar, manual dan buku panduan FedEx yang lain bersama dengan Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini. Paling penting, jangan teragak-agak untuk bertanya kepada pengurus anda, orang hubungan syarikat atau peguam FedEx untuk menasihati anda sebelum membuat keputusan.

Jika anda percaya bahawa pelanggaran undang-undang atau etika telah berlaku, anda bertanggungjawab untuk melaporkannya kepada pengurus anda, orang hubungan syarikat, jabatan undang-undang atau sumber manusia atau FedEx Alert Line. Dasar kita melarang sebarang bentuk tindakan balas terhadap anda kerana memenuhi kewajipan ini.

Pegawai, pengarah dan pengurus kita mempunyai tanggungjawab tambahan untuk menggalakkan prinsip-prinsip dalam Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini dan memupuk budaya yang menghargai tingkah laku beretika yang tertinggi antara semua ahli pasukan. Komitmen kita untuk melakukan perkara yang wajar bergantung pada keupayaan mereka untuk menangani pelanggaran yang disyaki dengan segera, secara berhati-hati dan penuh hormat.

Terima kasih kerana meluangkan masa untuk membaca, memahami dan mematuhi Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini, serta dedikasi berterusan anda kepada jenama dan reputasi FedEx. Pematuhan kepada standard etika dan profesional yang tertinggi merupakan bahagian yang penting dalam menunaikan Janji Ungu kita untuk menjadikan setiap pengalaman FedEx cemerlang. Integriti merupakan kunci utama kepada budaya kita dan kejayaan masa hadapan kita.

Yang ikhlas,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'F. W. Smith', written in a cursive style.

Frederick W. Smith
Pengerusi, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

Kecemerlangan di Tempat Kerja dan Tatakelakuan Perniagaan dan Etika FedEx

Tatakelakuan Perniagaan dan Etika FedEx memberikan garis panduan untuk memastikan bahawa tingkah laku kita semasa bekerja adalah beretika dan menyokong reputasi yang FedEx telah peroleh sebagai salah satu jenama yang paling dikagumi di dunia. FedEx sentiasa dikenali sebagai antara syarikat yang terbaik untuk bekerja di seluruh dunia. Walaupun Tatakelakuan Perniagaan dan Etika memberikan panduan untuk pelbagai jenis situasi di tempat kerja, standard tinggi yang mencirikan persekitaran kerja kita dapat diringkaskan dalam beberapa prinsip mudah.



Hormati PELANGGAN kita

Kita mendengar pendapat pelanggan dan berusaha untuk mencapai kecemerlangan di tempat kerja yang membolehkan kita memenuhi keperluan mereka dan melebihi jangkaan mereka.

Hormati RAKAN SEKERJA kita

Kita menghasilkan ahli-ahli pasukan yang sangat bermotivasi dan berkesan dengan memupuk tempat kerja yang selamat yang menghargai kepelbagaian, kerja berpasukan dan maruah manusia.

Hormati SYARIKAT kita

Kita bertanggungjawab terhadap cara tindakan kita mencerminkan reputasi syarikat dan bagi penggunaan sumber syarikat yang bijak.

Hormati KOMUNITI kita

Kita menyokong komuniti di tempat kita menjalankan perniagaan dan bertindak sebagai warga global yang bertanggungjawab.

Prinsip-prinsip mudah ini membolehkan setiap seorang daripada kita menunaikan Purple Promise kepada pelanggan kita dan antara satu sama lain.

Banyak kenyataan dasar dalam Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini diikuti dengan satu atau lebih soalan dan jawapan. S&J disertakan untuk menjelaskan dasar dan menangani pelbagai isu yang anda mungkin hadapi dalam kerja anda.

S: Adakah Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini diguna pakai terhadap semua orang di FedEx?

J: Ya. Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini dikenakan terhadap setiap pegawai, pengarah, pengurus dan pekerja FedEx Corporation serta syarikat-syarikat subsidiarinya di seluruh dunia. Anda harus membaca Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini bersama dengan apa-apa dasar, manual atau buku panduan FedEx yang lain yang berkaitan dengan kerja anda. Syarikat operasi FedEx di mana anda bekerja mungkin mempunyai dasar yang sedikit berbeza daripada kenyataan dalam Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini. Dalam situasi itu, anda harus mematuhi dasar yang lebih terbatas atau meminta bimbingan daripada jabatan undang-undang syarikat anda.

S: Adakah Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini digunak pakai terhadap kontraktor?

J: Peruntukan-peruntukan tertentu yang berkaitan dalam Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini dikenakan terhadap pihak ketiga yang menjalankan perkhidmatan bagi pihak FedEx ("Kontraktor") setakat yang dinyatakan dalam perjanjian masing-masing dengan FedEx dan dibenarkan di bawah undang-undang yang berkaitan. Terma mana-mana perjanjian sedemikian atau undang-undang yang berkaitan akan dikenakan sekiranya terdapat konflik dengan Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini. Bagaimanapun, semua Kontraktor dan kakitangan mereka dikehendaki mendukung standard etika perniagaan yang tertinggi dan memastikan pematuhan kepada semua undang-undang yang berkaitan. Kontraktor yang memerlukan maklumat lanjut tentang dasar dalam Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini harus menunjukan pertanyaan kepada orang hubungan utama mereka di FedEx ("Orang Hubungan Syarikat") atau kepada jabatan undang-undang.

S: Adakah Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini suatu kontrak?

J: Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini dan dasar yang diterangkan dalamnya bukan merupakan kontrak pekerjaan. Tambahan pula, tiada apa-apa dalam Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini boleh dianggap membentuk hubungan majikan-pekerja antara FedEx dengan Kontraktornya atau kakitangan mereka. FedEx tidak membentuk apa-apa hak kontraktual dengan mengeluarkan Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini. Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini serta dasar, manual, buku panduan, garis panduan dan prosedur berkaitan FedEx yang lain adalah tertakluk kepada perubahan oleh FedEx pada bila-bila masa.

S: Dengan siapakah saya harus bercakap sekiranya saya mempunyai pertanyaan tentang Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini?

J: Pertanyaan yang berkaitan dengan bahan yang dirangkumi dalam Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini harus ditujukan kepada pengurus anda, jabatan undang-undang atau sumber manusia syarikat anda atau Jabatan Integriti & Pematuhan Korporat di integrity@fedex.com. Mereka juga boleh memberikan salinan tambahan Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini. Untuk memuat turun salinan Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini, layari <http://corpcomm.web.fedex.com/CorpComm/AlertLine.html> atau bahagian Tadbir Urus & Kewarganegaraan laman Web hubungan pelabur FedEx di <http://investors.fedex.com>.

Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini dikenakan terhadap semua orang di FedEx.



Tingkah Laku yang Sah dan Beretika



Tingkah laku yang sah dan beretika bukan sahaja amat penting kepada kejayaan berterusan kita, malahan ia wajib. Kita mesti mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan kelakuan perniagaan kita. Selain itu, kita mesti mengelakkan dan melaporkan apa-apa aktiviti yang melibatkan atau boleh menyebabkan penglibatan FedEx dalam apa-apa amalan yang berkemungkinan menyalahi undang-undang. Oleh itu, kita mesti memahami undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan kerja kita dan mematuhi keperluan undang-undang di negara kita bekerja.

Sesetengah undang-undang mempengaruhi semua orang, seperti undang-undang yang berkaitan dengan peluang pekerjaan saksama dan kesihatan dan keselamatan pekerjaan. Undang-undang lain terutamanya mempengaruhi pekerja dan Kontraktor dalam peranan tertentu, seperti peranan yang berkaitan dengan operasi rangkaian pengangkutan, pelaporan kewangan dan khidmat pelanggan kita. Undang-undang yang mengawal aktiviti kita mungkin rumit, tetapi kejahilan tentang undang-undang tidak melepaskan kita daripada kewajipan pematuhan kita. Dapatkan nasihat daripada pengurus anda, Orang Hubungan Syarikat atau jabatan undang-undang syarikat anda jika anda tidak jelas tentang undang-undang atau peraturan yang berkaitan dengan kerja anda.

Selain mematuhi undang-undang, kita mesti mematuhi standard etika dan standard lain yang dikemukakan dalam Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini. FedEx berusaha untuk menjalankan semua aktiviti perniagaannya selaras dengan standard integriti dan tingkah laku beretika yang tertinggi. Kita mesti memastikan bahawa kita bertindak dengan sah dan beretika sepanjang masa, walaupun jika ia menjejaskan perniagaan atau keuntungan kita dalam jangka pendek. Tingkah laku yang sah dan beretika adalah demi kepentingan jangka panjang kita kerana ia mengekalkan reputasi cemerlang kita dari segi kebolehpercayaan dan kebolehpercayaan. Kelakuan perniagaan yang wajar menggalakkan kesetiaan daripada ahli pasukan, pembekal dan pelanggan kita di samping memupuk

hubungan yang saling memanaikkan antara FedEx dengan komuniti di tempat kita beroperasi.

Kita dikehendaki menggunakan pertimbangan yang bijak dan mempamerkan tahap integriti, tanggungjawab dan kelakuan profesional yang tidak ada kompromi dalam pelaksanaan tanggungjawab kita. Kita harus bersikap terbuka, jujur dan ikhlas dalam urusan kita dengan pelanggan, pegawai kerajaan, orang ramai, pembekal, pesaing, rakan sekerja dan Kontraktor dan mesti menghormati hak mereka. Kita tidak harus sekali-kali mengambil kesempatan yang tidak adil daripada sesiapa sahaja melalui manipulasi, penipuan, penyembunyian, penyalahgunaan maklumat istimewa, salah nyataan fakta material atau apa-apa amalan sedemikian lain yang disengajakan. Kita juga tidak harus menyertai atau memudahkan apa-apa kelakuan yang menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh orang lain. Kita harus sentiasa bersikap terlalu memihak kepada melakukan perkara yang sah dan beretika, mempamerkan nilai-nilai kejujuran, keadilan, kebolehpercayaan, rasa hormat dan kebolehpercayaan. Integriti dan pematuhan merupakan tanggungjawab setiap ahli pasukan dan elemen penting dalam semua tugas pengurusan.

Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini mengandungi kenyataan dan ringkasan dasar untuk banyak perkara penting yang berkaitan dengan kelakuan perniagaan dan peribadi. Walaupun ia menangani isu-isu kebimbangan kita yang utama, terdapat dasar-dasar lain yang khusus yang kita mesti baca dan fahami. Misalnya, pekerja FedEx Express harus merujuk dasar-dasar yang terkandung dalam Manual Pekerja dan Manual Keuntungan. Kontraktor harus merujuk terma-terma kontrak mereka dengan FedEx serta dasar dan prosedur dalaman mereka masing-masing. Penting juga agar mengekalkan hubungan terbuka antara pekerja dengan pengurus, mempunyai hubungan yang produktif dan profesional dengan pekerja di syarikat-syarikat FedEx yang lain dan menggunakan pertimbangan yang bijak dan integriti sepanjang masa.

Tanggungjawab Khas Pengurus FedEx — Pengurus bertanggungjawab terhadap pematuhan mereka dan pekerja mereka kepada Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini. Semua pengurus FedEx mesti mempunyai sifat integriti yang kuat dan dikehendaki berkelakuan dengan cara yang jujur dan dapat dijadikan contoh. Jika anda tergolong dalam jawatan pengurusan, anda mempunyai tanggungjawab khas untuk berkelakuan dengan cara yang selaras dengan prinsip yang dinyatakan dalam Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini. Anda menjadi model peranan untuk pekerja anda dan tindakan anda dilihat dan ditiru oleh mereka yang melaporkan diri kepada anda. *Suasana yang anda tetapkan dalam tindakan harian anda merupakan faktor tunggal yang paling penting dalam memupuk budaya yang membolehkan pekerja anda bertindak mematuhi prinsip yang dinyatakan dalam Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini.*

Sebagai pemimpin, anda mesti:

- Memastikan bahawa mereka yang melaporkan diri kepada anda sudah membaca dan memahami Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini
- Menjangka, mencegah dan mengesan risiko pematuhan
- Menjamin bahawa tiada seorang pun pekerja anda menerima tindakan balas kerana membuat laporan dengan niat baik
- Menjamin bahawa tiada seorang pun pekerja anda menerima tindakan disiplin kerana membuat laporan dengan niat baik
- Mengutamakan Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini serta dasar dan prosedur yang berkaitan secara konsisten
- Segera melaporkan dan menangani apa-apa pelanggaran atau kelemahan pematuhan, termasuk mengambil tindakan disiplin yang sewajarnya
- Menggunakan penyeliaan dan pengawasan yang sewajarnya untuk memastikan pematuhan kepada Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini dalam lingkungan tanggungjawab anda
- Memupuk budaya yang membuatkan ahli pasukan berasa selesa melaporkan kebimbangan dan mengemukakan isu – ini termasuk menggalakkan Dasar Pintu Terbuka Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini dan menyokong pekerja anda yang membangkitkan isu atau kebimbangan dengan niat baik

S: FedEx meninggikan tahap prestasi setiap tahun dan kami sentiasa kelihatan tertekan untuk melakukan apa-apa sahaja demi mencapai hasil yang lebih baik. Adakah kewajipan untuk memenuhi matlamat perniagaan dan kewangan yang sukar ini berkonflik dengan kewajipan saya di bawah Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini?

J: Tidak. Kepentingan syarikat tidak sekali-kali dipenuhi melalui amalan perniagaan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika. Reputasi kita dibina berasaskan kepercayaan dan FedEx merupakan salah satu jenama yang paling dipercayai di dunia. Pengekalan standard etika dan profesional yang tertinggi adalah amat penting untuk mengekalkan kepercayaan yang berharga ini.

S: Kumpulan saya di FedEx mempunyai pembekal yang lama yang kami sentiasa bayar melalui pengiriman cek ke ibu pejabat pembekal tersebut di Scranton, Pennsylvania. Untuk bayaran terbaru yang perlu dijelaskan, pembekal tersebut meminta saya mengirimitkan bayarannya melalui pindahan kawat di sebuah bank di Bahamas ke akaun sebuah syarikat di Kepulauan Virgin British. Haruskah saya berasa curiga?

J: Ya, anda harus berasa curiga jika urusan niaga melibatkan pemindahan wang dari atau ke negara atau entiti yang tidak ada kaitan dengan urusan niaga tersebut atau tidak logik untuk pihak yang lain. Permintaan untuk memindahkan wang kepada pihak ketiga juga menimbulkan bendera merah yang perlu disiasat untuk memastikan kesahan urusan niaga tersebut. Sebelum meneruskan, rujuk kepada pengurus anda atau jabatan undang-undang syarikat anda. Dalam apa-apa situasi, jika sesuatu nampaknya tidak wajar, anda harus bersuara.

Tingkah Laku yang Sah dan Beretika

S: Undang-undang yang berbeza sungguh rumit dan merangkumi sangat banyak kawasan yang berbeza, bagaimanakah saya dapat memastikan bahawa saya tidak akan melanggar sesuatu yang teknikal? Tambahan pula, bagaimanakah saya sepatutnya memahami kesemuanya? Saya bukan seorang peguam.

J: Jangan hentikan pertimbangan anda sendiri. Jika sesuatu nampak salah mengikut gerak hati anda, bertanya sebelum bertindak. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memahami perkara terperinci peraturan yang mengawal kerja anda. Pengurus anda tahu tentang keperluan kerja anda dan jabatan undang-undang syarikat anda tahu tentang dasar-dasar bertulis yang terdapat di syarikat operasi anda. Jangan teragak-agak untuk menghubungi mereka jika anda memerlukan penjelasan atau bimbingan.

S: Apakah yang saya harus lakukan jika terdapat konflik antara dasar FedEx dengan undang-undang di negara saya bekerja?

J: Matlamat kita ialah untuk mematuhi semua undang-undang tempatan selain standard integriti dan etika yang tertinggi di seluruh dunia. Semata-mata kerana undang-undang negara tertentu mungkin kurang terbatas dalam sesetengah hal berbanding dengan di A.S., itu bukanlah alasan untuk melanggar dasar FedEx. Sebaliknya, semata-mata kerana dasar FedEx mungkin kurang terbatas berbanding dengan undang-undang negara tertentu, itu bukanlah alasan untuk melanggar undang-undang negara itu, sekiranya berkaitan. Pengurus FedEx, Orang Hubungan Syarikat dan jabatan undang-undang syarikat anda bertanggungjawab untuk memberikan arahan yang jelas tentang cara untuk menangani apa-apa konflik antara undang-undang atau adat resam tempatan dengan dasar FedEx. Jika anda mendapati bahawa wujudnya konflik yang pengurus anda belum tangani, anda harus mengemukakannya kepada perhatian beliau dengan segera. Jika anda memerlukan bimbingan tambahan, hubungi jabatan undang-undang syarikat anda. Penting agar FedEx diberitahu sekiranya amalan kita mungkin berkonflik dengan keperluan undang-undang tempatan.



FedEx mendukung standard integriti dan tingkah laku beretika yang tertinggi.

Dasar Pintu Terbuka

Anda digalakkan supaya menyampaikan idea dan kebimbangan anda terus kepada pihak pengurusan atau Orang Hubungan Syarikat anda. Penting agar anda bersuara dengan segera supaya idea atau kebimbangan anda dapat ditangani. Bekerja bersama-sama dalam suasana kepercayaan, rasa hormat dan kerjasama memberikan

persekitaran kerja yang paling produktif. Jika anda percaya bahawa pengurusan anda atau Orang Hubungan Syarikat merupakan sebahagian daripada masalah itu, anda boleh menghubungi jabatan sumber manusia atau jabatan undang-undang syarikat anda untuk bimbingan atau menghubungi FedEx Alert Line.

S: **Saya ada beberapa idea tentang cara untuk menjadikan kerja saya lebih cekap. Haruskah saya berkongsi fikiran saya dengan pihak pengurusan?**

J: Ya. Jangan teragak-agak untuk berkongsi idea anda dengan orang lain dalam syarikat. Seseengah idea terbaik kita datang daripada pekerja yang melihat cara yang lebih baik untuk melakukan sesuatu. Dalam pasaran persaingan hari ini, ia semakin penting untuk memikirkan tentang idea yang boleh menjadikan kita lebih cekap dan bertindak terhadap idea tersebut. Bahkan idea yang kecil, apabila digunakan dalam perusahaan yang berbilion dolar seperti FedEx, dapat menghasilkan manfaat yang signifikan.

S: **Setiap kali saya mengemukakan masalah dalam jabatan saya, penyelia saya tidak mengendahkan saya atau tidak membuat tindakan susulan. Bagaimanakah saya boleh berkomunikasi jika tiada sesiapa pun mendengar?**

J: Pertama sekali, pastikan bahawa komunikasi anda berkesan. Sentiasa bersiap sedia, ketahui perkara yang anda mahu katakan dan sebab anda mengatakannya. Pastikan bahawa pendengar anda sudah bersedia untuk mendengar dan tidak diganggu atau sibuk dengan kebimbangan lain. Gunakan bahasa yang mudah dan jelas dan ungkapkan permintaan atau cadangan anda secara positif. Akhir sekali, minta maklum balas. Pastikan bahawa mesej anda telah dihantar dan diterima seperti yang anda harapkan.

Jika anda telah mencuba dan betul-betul percaya bahawa komunikasi anda tidak diendahkan, maka anda boleh menggunakan saluran lain, seperti bercakap dengan jabatan sumber manusia syarikat anda atau pengurusan penyelia anda. Semua orang di FedEx digalakkan supaya menyumbangkan fikiran, idea dan tindakan mereka demi menubuhkan perniagaan yang lebih baik. Ingat bahawa, atas pelbagai sebab, tidak semua idea akan diterima pakai, tetapi cadangan sentiasa dialu-alukan.



Idea-idea terbaik sering datang daripada pekerja.

Dasar Peluang Sama Rata dan Antigangguan


Aset terbesar kami ialah pekerja kami. Kami komited untuk menyediakan tempat kerja di mana anda dihormati, berpuas hati dan dihargai. Dasar-dasar kami direka bentuk untuk menggalakkan keadilan dan rasa hormat bagi semua orang.

Kami menggaji, menilai dan menaikkan pangkat pekerja serta mengambil Kontraktor dan pembekal berdasarkan prestasi mereka. Dengan memikirkan ini, kami mengharapkan semua orang melayan orang lain dengan maruah dan rasa hormat dan tidak akan bertolak ansur dengan tingkah laku tertentu. Tingkah laku yang tidak dapat diterima termasuk gangguan, keganasan, intimidasi, membuli dan sebarang jenis diskriminasi yang melibatkan bangsa, warna kulit, agama, negara asal, jantina, orientasi seksual, identiti jantina, ekspresi jantina, umur, kehilangan upaya, status veteran, status perkahwinan (sekiranya berkaitan) atau apa-apa ciri lain yang dilindungi di bawah undang-undang berkaitan.

Cubaan untuk bernesra secara seksual yang tidak disenangi dan kelakuan peribadi lain yang tidak wajar adalah dilarang. Kami melarang dengan tegas dan tidak akan bertolak ansur dengan sebarang jenis gangguan atau sebarang tindakan yang mewujudkan kemungkinan berlakunya gangguan, sama ada dari segi semangat pekerja individu atau pelanggaran undang-undang yang berkaitan. Perlu disedari bahawa gangguan boleh wujud dalam banyak bentuk, termasuk cubaan untuk bernesra secara seksual yang tidak disenangi, membuli, proposisi, ancaman, kelakuan yang mengancam dan sentuhan fizikal yang tidak diingini. Gangguan juga boleh berlaku apabila kata-kata, tindakan atau tingkah laku anda mewujudkan persekitaran kerja yang bermusuhan, menakutkan atau menyakitkan hati, seperti membuat komen, gurauan atau gerak isyarat yang merendahkan martabat.

FedEx melarang sebarang bentuk tindakan balas terhadap seseorang yang dengan niat baik sebarang salah laku yang diketahui atau disyaki.

Dasar-dasar kami direka bentuk untuk menggalakkan keadilan dan rasa hormat bagi semua orang.



S: **Saya percaya bahawa saya tidak mendapat kenaikan pangkat kerana pengurus saya tahu bahawa saya cuba hamil. Saya terdengar pengurus saya berkata bahawa apabila seseorang wanita hamil, ia pasti menjejaskan prestasi kerja. Adakah apa-apa perkara yang saya boleh lakukan?**

J: Ya. Semua keputusan berkaitan pekerjaan di FedEx (contohnya, penggajian, kenaikan pangkat, penugasan kerja, pampasan, disiplin dan latihan) mestilah berdasarkan kriteria berkaitan kerja. Anda harus menggunakan proses aduan dalam syarikat anda atau melaporkan situasi itu kepada jabatan sumber manusia atau undang-undang syarikat anda terlebih dahulu. Jika anda tidak berjaya menggunakan cara tersebut atau jika anda ingin kekal tanpa nama, anda boleh membuat laporan melalui FedEx Alert Line.

S: **Rakan sekerja saya bergurau tentang orientasi seksual saya. Haruskah saya tidak mengendharkannya?**

J: Tidak. FedEx tidak akan bertolak ansur dengan tingkah laku ini. Anda harus menggunakan proses aduan dalam syarikat anda atau melaporkan perkara ini kepada pengurus anda terlebih dahulu. Jika kebimbangan anda masih tidak ditangani, anda boleh menghubungi jabatan sumber manusia atau undang-undang syarikat anda atau jika anda ingin kekal tanpa nama, buat laporan melalui FedEx Alert Line.

Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar

Kami komited untuk menyediakan tempat kerja yang selamat, sihat dan bebas daripada minuman keras dan dadah. Kita mesti memahami dan mematuhi undang-undang dan peraturan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar yang mempengaruhi aktiviti perniagaan kita, di samping apa-apa dasar syarikat yang berkaitan. Kami komited untuk mengelakkan kesan buruk terhadap alam sekitar dan komuniti di tempat kami menjalankan perniagaan. Kami juga menegaskan bahawa Kontraktor, pembekal dan orang lain yang bekerja dengan kami menerima dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

Semua bentuk tingkah laku yang mengancam atau menakutkan, membuli, serangan atau sebarang jenis keganasan adalah dilarang. Laporkan apa-apa kebimbangan yang anda

ada tentang intimidasi, membuli, gangguan, menghendap atau ancaman bertulis, lisan atau fizikal. Apa-apa tingkah laku atau tindakan yang akan membuatkan seseorang berasa takut atau bimbang tentang keselamatan mereka merupakan sebab untuk menghubungi Pihak Keselamatan FedEx, salah seorang ahli pihak pengurusan FedEx atau FedEx Alert Line. Semua pekerja bertanggungjawab untuk melaporkan keadaan kerja yang tidak selamat, ancaman, tindakan dan situasi (termasuk yang berkaitan dengan Kontraktor, pembekal atau pelanggan) yang berkemungkinan menimbulkan keganasan di tempat kerja.

Sumber Lain:

[Program Pencegahan Keganasan di Tempat Kerja](#)

S: **Walaupun FedEx menegaskan tentang keutamaan keselamatan, pengurus saya mendesak supaya saya mencapai sasaran yang hanya boleh dicapai dengan melanggar prosedur keselamatan. Saya membangkitkan isu tersebut dengan rakan sekerja saya, tetapi mereka memberitahu saya supaya merahsiakannya, kalau tidak saya mungkin dipecat. Apakah yang saya harus lakukan?**

J: Keselamatan ialah pertimbangan pertama kita dalam semua operasi. Prosedur keselamatan tidak harus sekali-kali dikompromi. Anda harus membincangkan situasi tersebut dengan pengurus anda atau pihak pengurusan atasan FedEx terlebih dahulu. Jika anda berasa tidak selesa untuk melakukannya atau jika anda gagal mendapat perhatian pihak pengurusan, anda harus menghubungi jabatan sumber manusia atau undang-undang syarikat anda atau FedEx Alert Line. FedEx tidak akan membenarkan sebarang tindakan balas terhadap pekerja yang membangkitkan kebimbangan dengan niat baik.

S: **Bahagian belakang saya terasa tegang semasa bekerja, tetapi saya tidak mahu melaporkannya kerana sebahagiannya ialah salah saya dan kerana ia akan memusnahkan rekod bebas kecederaan unit saya. Apakah yang saya harus lakukan?**

J: Anda tidak harus sekali-kali mengabaikan atau menyembunyikan masalah. Semua kemalangan mesti dilaporkan kepada pihak pengurusan atau Orang Hubungan Syarikat anda secepat mungkin supaya FedEx boleh mengambil tindakan yang sewajarnya demi keselamatan anda dan untuk mencegah kejadian yang sama pada masa depan. Tindakan pembetulan mungkin termasuk perubahan pada prosedur kerja atau latihan keselamatan tambahan. FedEx tidak akan membenarkan sebarang tindakan balas terhadap pekerja yang membangkitkan kebimbangan dengan niat baik.

S: **Saya telah dipilih untuk menjalani ujian dadah secara rawak. Saya tidak menggunakan dadah yang menyalahi undang-undang, jadi saya percaya bahawa saya tidak perlu diuji. Adakah pengujian merupakan pencerobohan terhadap privasi saya?**

J: Tidak. Sebagai penyedia perkhidmatan pengangkutan dan perkhidmatan yang berkaitan, kami mesti mematuhi pelbagai keperluan undang-undang yang direka bentuk untuk sentiasa memastikan pekerja dan tempat kerja kami bebas daripada minuman keras dan dadah larangan. Matlamatnya ialah untuk memastikan keselamatan pekerja kami dan orang ramai. Di bawah keadaan-keadaan tertentu dan menurut undang-undang, FedEx boleh menguji pekerjanya. Pengujian kami dijalankan dengan cara yang selaras dengan privasi dan maruah diri anda.

Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar



S: Saya rasa majikan saya menghadapi masalah kuat minum yang mengganggu kerja di bahagian saya. Apakah yang saya boleh lakukan? Saya benar-benar mahu membantu.

J: Anda mempunyai kewajipan untuk melaporkan rasa syak anda kepada pengurus bos anda atau jabatan sumber manusia syarikat anda. Sebagai penyedia perkhidmatan pengangkutan, penting kepada keselamatan pekerja dan orang ramai bahawa semua tempat kerja FedEx betul-betul bebas daripada minuman keras dan dadah larangan. Dengan melaporkan rasa syak anda sekarang, anda tidak sahaja memenuhi tanggungjawab anda terhadap FedEx, tetapi anda juga berkemungkinan membantu majikan anda menangani masalah yang serius.

S: Rakan sekerja saya mudah naik berangas di tempat kerja dan telah membuat komen yang membuatkan saya berasa takut akan keselamatan saya dan keselamatan orang lain di tempat kerja. Apakah yang saya boleh lakukan?

J: Anda mempunyai kewajipan untuk melaporkan kebimbangan anda kepada pengurus anda, Pihak Keselamatan FedEx atau FedEx Alert Line. FedEx mengambil serius kebimbangan mungkin berlakunya keganasan di tempat kerja dan akan bertindak untuk memastikan kami terus menyediakan persekitaran kerja yang selamat.

Hak Asasi Manusia

FedEx komited untuk melindungi dan memajukan hak asasi manusia dalam semua operasi kami.



FedEx komited untuk melindungi dan memajukan hak asasi manusia dalam semua operasi kami. Kami melayan orang lain dengan rasa hormat dan maruah, menggalakkan kepelbagaian dan pendapat yang berbeza, menyediakan keadaan kerja yang selamat dan menggalakkan peluang sama rata untuk semua orang. Kami melarang gangguan, membuli, diskriminasi dan penggunaan buruh kanak-kanak, wajib atau paksaan. Kami juga mempunyai dasar toleransi sifar yang

melarang perhambaan atau pemerdagangan manusia bagi apa-apa tujuan. Kami menghendaki Kontraktor dan pembekal kami mendukung prinsip-prinsip penting ini.

Sumber Lain:

[Dasar Melarang Pemerdagangan Manusia](#)

Konflik Kepentingan

Elakkan apa-apa aktiviti atau situasi yang boleh mewujudkan konflik kepentingan.



Kami menghormati hak anda untuk mengurus hal-hal dan pelaburan peribadi anda. Pada masa yang sama, pekerja harus mengelakkan aktiviti, hubungan atau situasi yang mungkin mewujudkan konflik antara kepentingan peribadi mereka dengan kepentingan FedEx. Pekerja harus memberikan FedEx kesetiaan mereka dan oleh itu harus mengelakkan diri daripada kepentingan, pelaburan atau hubungan yang bercanggah dengan pertimbangan bijak bagi kepentingan FedEx. Bayaran wang, hadiah atau faedah peribadi lain yang diberikan oleh Kontraktor, pembekal atau pelanggan sebagai balasan terhadap perniagaan FedEx atau kelebihan lain adalah dilarang dengan tegas. Selain itu, apa-apa aktiviti atau situasi yang boleh mewujudkan konflik kepentingan harus dielakkan.

Terutamanya:

- FedEx menjalankan perniagaan tanpa pilih kasih. Oleh itu, baik anda mahupun mana-mana ahli keluarga terdekat anda tidak harus mempunyai kepentingan kewangan secara langsung atau tidak langsung dalam, atau hubungan dengan, mana-mana organisasi (termasuk Kontraktor, pembekal, pelanggan atau pesaing FedEx) apabila kepentingan kewangan atau hubungan sedemikian boleh mempengaruhi keobjektifan dan kebebasan pertimbangan atau kelakuan anda dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab anda bagi pihak FedEx.
- Selain keadaan luar biasa apabila aturan tertentu telah diluluskan atau dibenarkan secara bertulis, anda tidak harus sekali-kali berada dalam kedudukan yang boleh mempengaruhi keadaan pekerjaan (contohnya, kenaikan pangkat, penugasan kerja, pampasan dan disiplin) atau penilaian prestasi ahli keluarga atau seseorang yang

mempunyai hubungan rapat dan peribadi dengan anda yang merupakan pekerja, Kontraktor atau pembekal FedEx.

- Jika ahli keluarga atau seseorang yang mempunyai hubungan rapat dan peribadi dengan anda digaji oleh atau mempunyai pemilikan atau kepentingan kewangan dalam syarikat yang menjalankan perniagaan dengan FedEx atau cuba menjalankan perniagaan dengan FedEx, anda mesti mendedahkan hubungan keluarga atau peribadi tersebut kepada pengurus anda dan tidak harus melibatkan diri dalam, atau cuba mempengaruhi dalam apa jua cara, hubungan perniagaan antara FedEx dengan syarikat itu.
- Pekerja FedEx tidak harus menerima pekerjaan tambahan dengan organisasi luar, menjalankan perniagaan mereka sendiri atau berkhidmat dalam sebarang peranan untuk mana-mana organisasi untung atau bukan untung jika pekerjaan atau aktiviti sedemikian akan mengganggu tugas mereka di FedEx atau akan mewujudkan konflik kepentingan yang sebenar atau anggapan (contohnya, bekerja dengan, atau berkhidmat sebagai ahli lembaga pengarah bagi, pesaing, pelanggan atau pembekal) dengan FedEx, atau jika pekerjaan atau aktiviti sedemikian melibatkan penggunaan maklumat proprietari FedEx atau harta atau sistem yang bertempat di FedEx.
- Kecuali diluluskan terlebih dahulu oleh Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan FedEx Corporation, anda tidak boleh menggaji mana-mana individu yang telah digaji dalam tempoh tiga tahun lalu oleh juruaudit bebas FedEx Corporation (pada masa ini, Ernst & Young LLP).

Konflik Kepentingan

Kami berharap bahawa anda tidak akan menempatkan diri anda dengan sengaja dalam kedudukan yang boleh mewujudkan konflik kepentingan atau tanggapan berlakunya konflik. Jika anda percaya bahawa anda mungkin mempunyai konflik kepentingan, anda mesti mendedahkan fakta ini kepada pengurus anda dan jabatan undang-undang syarikat anda dengan segera.

S: Bolehkah saya mengupah abang/adik saya untuk melakukan beberapa kerja kontrak untuk FedEx jika kadarnya adalah terbaik?

J: Tidak. FedEx pada umumnya melarang urusan perniagaan dengan ahli keluarga pekerja. Tidak kira kadar yang ditawarkan oleh abang/adik anda, FedEx tidak akan mengupahnya untuk melakukan kerja di bawah kontrak jika dia akan bekerja di bawah penyeliaan anda atau jika anda mempunyai apa-apa pengaruh terhadap keputusan untuk mengupahnya.

S: Anak perempuan saya sedang mencari pekerjaan dan telah menyatakan bahawa dia berminat untuk bekerja dengan FedEx. Apakah dasar FedEx tentang hal ini?

J: Jika dasar pengambilan pekerja di syarikat FedEx yang berkaitan membenarkannya, anak perempuan anda boleh memohon pekerjaan dengan FedEx selagi jawatan yang dia pohon tidak melaporkan diri kepada anda dan anda tidak akan melaporkan diri kepadanya. Permohonannya akan dinilai mengikut kriteria yang sama seperti semua permohonan lain. Anda tidak boleh menggunakan pengaruh atau jawatan anda untuk mempengaruhi proses pengambilan pekerja.

S: Isteri saya bekerja untuk pesaing FedEx. Adakah ini merupakan konflik kepentingan?

J: Tidak, tidak semestinya. Walau bagaimanapun, anda harus membincangkan situasi tersebut dengan pengurus anda untuk memastikan bahawa anda tidak diberi tugas yang akan mewujudkan konflik kepentingan. Anda tidak boleh sekali-kali mendedahkan maklumat sulit FedEx kepada pasangan anda atau meminta maklumat sulit daripada pasangan anda tentang majikannya.

S: Rakan saya meminta saya melabur dalam syarikat yang akan menghasilkan produk yang mungkin dijual kepada FedEx akhirnya. Jika penglibatan saya dalam syarikat baharu itu hanya dari segi kewangan, adakah ia konflik kepentingan?

J: Ini berkemungkinan akan menjadi konflik bergantung pada jawatan anda di FedEx, kemampuan anda untuk mempengaruhi keputusan pembelian FedEx, jumlah pelaburan anda dan pentingnya FedEx sebagai bakal pelanggan untuk syarikat baharu itu. Sebelum melabur, anda harus memberitahu pengurus anda. Anda juga tidak boleh terlibat dengan, atau cuba mempengaruhi, keputusan FedEx sama ada untuk membeli produk tersebut.

Konflik Kepentingan

Jika anda percaya bahawa anda mungkin mempunyai konflik kepentingan, anda mesti mendedahkan fakta ini kepada pengurus anda dan jabatan undang-undang syarikat anda dengan segera.



S: Saya menjalankan perniagaan kecil di rumah menjual alat solek, kebanyakannya secara dalam talian. Saya menggunakan komputer saya di tempat kerja untuk mengakses e-mel dan laman web untuk perniagaan di rumah saya dan memproses pesanan daripada pelanggan saya serta menggunakan penyalin warna di tempat kerja untuk membuat salinan risalah untuk perniagaan saya. Walau bagaimanapun, saya tidak pernah membiarkan mana-mana aktiviti ini mengganggu tugas saya di FedEx, jadi saya tidak percaya wujudnya konflik kepentingan. Adakah saya betul?

J: Tidak. Tidak kira sama ada perniagaan kedua anda mengganggu kerja anda di FedEx, anda tidak boleh membuat kerja untuk perniagaan itu semasa waktu kerja anda di FedEx atau menggunakan harta atau sistem FedEx (seperti komputer dan penyalin). Anda mesti menjalankan perniagaan “di rumah” anda di rumah. Tambahan pula, diskaun pekerja FedEx, termasuk diskaun kiriman tidak boleh digunakan untuk kegunaan perniagaan anda.

S: Teman wanita saya memiliki syarikat perkhidmatan penjagaan bangunan. Kerja saya di FedEx tidak ada kaitan dengan penggunaan perkhidmatan penjagaan bangunan FedEx dan saya tidak ada kuasa membuat keputusan untuk penggunaan perkhidmatan penjagaan bangunan FedEx. Bolehkah saya menghubungi kumpulan FedEx yang mengendalikan perkhidmatan penjagaan bangunan dan cuba meyakinkan mereka untuk mengupah syarikat teman wanita saya?

J: Tidak. Anda tidak harus cuba mempengaruhi hubungan perniagaan FedEx dengan pelanggan, Kontraktor atau pembekal semasa atau prospektif jika ahli keluarga atau seseorang yang mempunyai hubungan rapat dan peribadi dengan anda digaji oleh atau mempunyai pemilikan atau kepentingan kewangan dalam pelanggan, Kontraktor atau pembekal semasa atau prospektif tersebut. Anda juga mesti mendedahkan hubungan ini dengan pengurus anda.

Peluang Korporat

Pelanggan, pekerja, penyedia perkhidmatan dan pihak lain mengemukakan idea dan peluang secara rutin kepada FedEx. Begitu juga semasa pekerjaan anda dengan FedEx, anda mungkin diberi, mengetahui atau mengembangkan idea atau peluang tentang perniagaan atau pelaburan baharu. Peluang dan idea ini adalah harta tunggal dan eksklusif FedEx. Pekerja dilarang mengambil idea dan peluang sedemikian untuk faedah peribadi mereka tanpa keizinan bertulis terlebih

dahulu daripada jabatan undang-undang syarikat anda. Anda tidak boleh menggunakan jawatan anda dalam FedEx atau apa-apa harta atau maklumat syarikat untuk keuntungan peribadi yang tidak wajar atau untuk bersaing dengan FedEx. Anda bertanggungjawab kepada FedEx untuk memajukan kepentingan kita apabila timbulnya peluang untuk berbuat demikian.

Kita mempunyai kewajipan untuk memajukan kepentingan FedEx apabila timbulnya peluang.

- S:** Baru-baru ini semasa bekerja, saya bercakap dengan pelanggan FedEx yang memberitahu saya tentang tawaran hartanah menarik yang boleh didapati tidak lama lagi dan FedEx mungkin meminatinya. Saya kerap berjumpa dengan pelanggan ini dan dia merupakan kawan saya. Bolehkah saya melaburkan wang saya?
- J:** Tidak tanpa mendedahkan semua butiran kepada jabatan undang-undang syarikat anda dan menerima keizinan bertulis terlebih dahulu.
- S:** Rakan saya dari kolej menghubungi saya di tempat kerja untuk memberitahu saya tentang saham baharu yang "hangat". Bolehkah saya melaburkan wang saya?
- J:** Ya, selagi anda tidak mendapat tahu tentang peluang ini semasa melaksanakan tugas anda untuk FedEx. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa anda harus mengelakkan daripada melakukan urusan peribadi semasa waktu kerja dan mesti mematuhi bahagian "Berdagang menggunakan Maklumat Dalam" dalam Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini.

Hadiah, Keraian, Pinjaman atau Pertolongan Lain



Anda dan ahli keluarga terdekat anda tidak boleh menerima hadiah yang jumlah nilainya melebihi US\$75 setahun daripada Kontraktor, pembekal atau pelanggan semasa atau prospektif yang sama atau mana-mana orang lain yang menjalankan perniagaan atau mungkin menjalankan perniagaan dengan FedEx ("Pihak Ketiga") tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada Penasihat Undang-undang syarikat anda. Anda dan ahli keluarga terdekat anda juga tidak boleh menerima pinjaman tidak kira nilainya atau pertolongan daripada Pihak Ketiga. Penerimaan item atau pertolongan sedemikian boleh menjejaskan – atau kelihatan menjejaskan – kemampuan anda untuk membuat keputusan perniagaan yang objektif, adil dan saksama.

Anda boleh menerima hidangan dan keraian yang berpatutan dan sesuai daripada Pihak Ketiga bagi tujuan perniagaan yang sah. Keraian yang dibayar, termasuk tiket ke acara sukan, muzik atau kebudayaan yang diberikan kepada pekerja FedEx oleh Pihak Ketiga yang tidak dihadiri oleh wakil Pihak Ketiga tersebut dianggap hadiah dan garis panduan tentang penerimaan hadiah digunakan. Anda juga boleh memberikan hadiah, hidangan atau keraian yang berpatutan dan sesuai kepada Pihak Ketiga bagi tujuan perniagaan yang sah.

Pemberian atau penerimaan apa-apa hadiah, ganjaran atau keraian yang boleh dianggap akan mempengaruhi keputusan perniagaan dengan tidak wajar mesti dielakkan. Hadiah wang tunai atau kesamaan wang tunai (seperti kad hadiah atau sijil hadiah) tidak boleh sekali-kali diberikan atau diterima. Selain itu, anda tidak boleh sekali-kali meminta hadiah atau

keraian. Keraian perniagaan hendaklah secara sederhana dan bertujuan hanya untuk memudahkan matlamat perniagaan. Hadiah dan keraian yang berulang-ulang (tidak kira betapa kecil) boleh dianggap sebagai cubaan untuk mewujudkan kewajipan kepada pemberi dan dengan demikian tidak wajar. Dasar ini digunakan sepanjang masa dan tidak berubah semasa musim pemberian hadiah yang tradisional.

Peraturan tambahan dikenakan apabila memberikan hadiah, hidangan atau keraian kepada pegawai kerajaan. Rujuk Dasar Orang Hubungan Kerajaan dan Pematuhan Pendedahan Melobi sebelum memberikan hadiah, hidangan atau keraian kepada Pegawai Kerajaan A.S. dan Dasar Pencegahan Rasuah Global sebelum memberikan hadiah, hidangan atau keraian kepada bukan Pegawai Kerajaan A.S. Apabila ragu-ragu, dapatkan nasihat daripada jabatan undang-undang syarikat anda.

Sumber Lain:

[Dasar Hadiah & Keraian Global](#)

[Dasar Orang Hubungan Kerajaan dan Pematuhan Pendedahan Melobi](#)

[Dasar Pencegahan Rasuah Global](#)

Hadiah, Keraian, Pinjaman atau Pertolongan Lain

S: Apabila mempertimbangkan sama ada untuk menerima tawaran hidangan atau keraian daripada pembekal, apakah faktor-faktor yang saya harus ingat?

J: Pertimbangan yang paling penting apabila membuat keputusan sama ada untuk menerima hadiah, hidangan atau keraian ialah sama ada menerimanya boleh (i) menjejaskan atau kelihatan menjejaskan kemampuan anda untuk membuat keputusan perniagaan yang objektif, adil dan saksama, atau (ii) mempengaruhi atau kelihatan mempengaruhi hubungan perniagaan. Atas sebab ini, keraian perniagaan mestilah secara sederhana dan bertujuan hanya untuk memudahkan matlamat perniagaan. Tentu sekali ini merupakan pertanyaan fakta dan keadaan. Antara lain, faktor-faktor yang berkaitan termasuk nilai saksama hidangan atau keraian, sama ada pembekal tersebut akan hadir di acara itu, kekerapan hadiah, hidangan dan keraian yang diterima daripada pembekal tersebut dan status hubungan perniagaan dengan pembekal tersebut. Jika anda mempunyai sebarang keraguan tentang nilai suatu item, atau sama ada ia mewujudkan konflik kepentingan yang sebenar atau anggapan, dapatkan bimbingan daripada jabatan undang-undang syarikat anda.

S: Pembekal memberi saya tiket percuma ke acara sukan yang saya benar-benar mahu saksikan. Pembekal tersebut tidak akan menemani saya. Bolehkah saya menerimanya?

J: Anda boleh menerima tiket itu jika nilainya berjumlah US\$75 atau kurang. Tiket ke acara sukan, muzik atau kebudayaan yang diberikan kepada pekerja FedEx yang tidak dihadiri oleh wakil Pihak Ketiga yang memberikan tiket acara itu dianggap hadiah dan garis panduan tentang penerimaan hadiah digunakan. Jika jumlah nilai tiket itu melebihi US\$75, anda mesti mendapatkan kelulusan daripada Penasihat Undang-undang syarikat anda. Jika Pihak Ketiga tersebut hadir, maka tawaran itu dianggap keraian dan boleh diterima selagi garis panduan yang ditetapkan dalam Dasar Hadiah & Keraian Global tentang penerimaan keraian dipatuhi. Anda harus menggunakan pertimbangan terbaik anda untuk menganggarkan nilainya. Selain itu, anda harus ingat bahawa pelbagai hadiah daripada pihak yang sama dalam setahun berjumlah lebih daripada US\$75 mesti diluluskan oleh Penasihat Undang-undang syarikat anda.

S: Saya menerima hadiah "lebih daripada sederhana" daripada pembekal di negara yang lazimnya memberikan hadiah yang mahal dan secara kerap. Bagaimanakah saya mengendalikannya?

J: Dalam sesetengah budaya, hadiah dan keraian memainkan peranan yang penting dalam hubungan perniagaan dan penting untuk memahami dan menyesuaikan diri dengan adat resam tempatan apabila bekerja di luar A.S. Jika nilai hadiah itu melebihi US\$75, anda masih mesti mendapatkan kelulusan daripada Penasihat Undang-undang syarikat anda. Penasihat Undang-undang mungkin mempertimbangkan adat resam tempatan apabila menentukan sama ada untuk meluluskannya atau tidak.

S: Saya menerima hadiah daripada pelanggan, tetapi saya tidak pasti tentang nilainya. Bagaimanakah saya tahu sama ada saya perlu mendedahkannya kepada pengurus saya?

J: Anda tidak perlu mendapatkan kelulusan untuk item-item yang sangat sederhana, melainkan jika orang lain dapat mentafsirkannya secara wajar sebagai mempengaruhi keputusan perniagaan anda. Anda harus menggunakan pertimbangan terbaik anda untuk menganggarkan nilai hadiah yang anda terima dan keperluan untuk mendapatkan kelulusan yang sewajarnya. Jika anda mempunyai sebarang keraguan tentang nilai suatu item atau implikasinya berkaitan dengan konflik kepentingan yang sebenar atau anggapan, dapatkan bimbingan daripada jabatan undang-undang syarikat anda.

S: Saya dijemput untuk menghadiri persidangan yang ditaja oleh pembekal. Pembekal tersebut menawarkan untuk membiayai semua perbelanjaan perjalanan saya, termasuk tiket kapal terbang, hidangan dan penginapan. Bolehkah saya menerima tawaran ini?

J: Dasar Hadiah dan Keraian Global FedEx melarang anda menerima tawaran pembekal tersebut untuk membiayai perjalanan dan penginapan tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada Penasihat Undang-undang syarikat anda. Anda boleh menerima hidangan daripada pembekal tersebut selagi ia tidak mewah atau berlebih-lebihan dan sebaliknya mematuhi garis panduan yang disenaraikan di atas.

Bayaran Tidak Wajar dan Rasuah

FedEx tidak bertolak ansur dengan membuat bayaran atau bayaran bukan wang (hadiah, pertolongan dll) kepada mana-mana individu atau organisasi untuk mempengaruhi individu atau organisasi itu supaya memberikan peluang perniagaan kepada kita atau membuat keputusan perniagaan yang memihak kepada kita. Terutamanya dalam perniagaan antarabangsa, pekerja atau Kontraktor kadang-kadang mengalami tekanan untuk membuat bayaran atau bayaran bukan wang untuk memujuk pihak lain memberikan permit atau perkhidmatan yang kita pada umumnya tidak layak menerimanya. Jangan sekali-kali buat atau bersetuju dengan bayaran sedemikian. Rasuah, "sogokan", komisen rahsia dan bayaran yang serupa kepada mana-mana individu atau organisasi adalah dilarang dengan tegas. Tambahan pula, mereka boleh mendedahkan FedEx dan pekerja serta Kontraktornya kepada pendakwaan jenayah dan hukuman berat di bawah undang-undang A.S. dan undang-undang negara lain.

Peraturan yang ketat dikenakan apabila FedEx berurusan dengan agensi dan pegawai kerajaan, sama ada di A.S. atau negara lain. Sebagai pengarah, pegawai, pekerja atau Kontraktor FedEx, anda dikehendaki mematuhi Akta Amalan Rasuah Asing ("FCPA") A.S. FCPA menjadikannya menyalahi undang-undang untuk memberi rasuah kepada pegawai asing atau sesiapa sahaja yang bertindak bagi pihak pegawai tersebut untuk mempengaruhi apa-apa tindakan atau keputusan kerajaan atau memperoleh apa-apa kelebihan yang tidak wajar untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan. Rasuah boleh merupakan bayaran atau tawaran atau janji untuk memberikan apa-apa yang bernilai (tidak kira jumlahnya), sementara pegawai asing boleh merupakan pegawai kerajaan, pegawai parti politik, calon politik atau pegawai organisasi antarabangsa awam. FCPA juga menghendaki kita mengekalkan kawalan kewangan

dalam untuk mencegah pelanggaran undang-undang dan menyimpan buku, rekod dan akaun yang sewajarnya yang menggambarkan semua urusan niaga dan penjualan aset dengan tepat.

"Bayaran pemudahan," iaitu bayaran yang dibuat kepada bukan pegawai atau pekerja kerajaan A.S. untuk mempercepat atau memudahkan tindakan rutin kerajaan seperti mengeluarkan permit atau meluluskan kiriman melalui kastam, adalah dilarang kecuali bayaran sedemikian perlu untuk melindungi kesihatan atau keselamatan seseorang. Jika anda diminta untuk memberi rasuah atau bayaran pemudahan pada bila-bila masa, hubungi pengurus anda dan jabatan undang-undang syarikat anda dengan segera.

Peraturan tertentu dikenakan apabila memberikan hadiah, hidangan atau keraian kepada pegawai kerajaan. Rujuk Dasar Orang Hubungan Kerajaan dan Pematuhan Pendedahan Melobi sebelum memberikan hadiah, hidangan atau keraian kepada Pegawai Kerajaan A.S. dan Dasar Pencegahan Rasuah Global sebelum memberikan hadiah, hidangan atau keraian kepada bukan Pegawai Kerajaan A.S. Apabila ragu-ragu, dapatkan nasihat daripada jabatan undang-undang syarikat anda.

Sumber Lain:

[Dasar Pencegahan Rasuah Global](#)

[Dasar Hadiah & Keraian Global](#)

[Dasar Orang Hubungan Kerajaan dan Pematuhan Pendedahan Melobi](#)

Rasuah dilarang dengan tegas.



Bayaran Tidak Wajar dan Rasuah

S: **Saya percaya bahawa salah satu Kontraktor kita mungkin membuat bayaran tidak wajar kepada pegawai kerajaan bagi pihak FedEx. Haruskah saya berasa bimbang?**

J: Ya. Tindakan pihak yang menjalankan perkhidmatan bagi pihak kita boleh mendedahkan FedEx kepada liabiliti yang amat besar di bawah undang-undang pencegahan rasuah. FedEx boleh dipertanggungjawabkan terhadap bayaran tidak wajar langsung dan juga tidak langsung kepada pegawai kerajaan. Jika anda mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pihak yang menjalankan perkhidmatan bagi pihak FedEx membuat bayaran tidak wajar, hubungi pihak pengurusan anda dan jabatan undang-undang syarikat anda dengan segera.

S: **Di negara-negara tertentu di luar A.S., membuat bayaran yang kecil adalah perlu untuk memudahkan penyediaan kertas kerja. Jika bayaran yang kecil ini tidak dibuat, kerja-kerja menulis boleh mengambil masa berbulan-bulan lamanya. Apakah yang saya harus lakukan?**

J: Jenis bayaran ini ialah bayaran pemudahan yang dilarang. FedEx melarang membuat, menawarkan, menjanjikan atau memberi kuasa bayaran ini melainkan jika pembayaran yang begini adalah perlu untuk melindungi kesihatan atau keselamatan seseorang. Anda mesti dengan segera memberitahu pihak pengurusan anda dan jabatan undang-undang syarikat anda jika anda diminta untuk membuat bayaran pemudahan atau mengetahui bahawa ia digalakkan atau dikehendaki oleh pegawai tempatan.

S: **Saya ingin mempelawa kakitangan Ahli Kongres A.S. untuk makan malam bagi membincangkan undang-undang yang dicadangkan berkaitan dengan FedEx? Adakah ini dibenarkan?**

J: Kaedah dan peraturan persekutuan A.S., negeri dan undang-undang tempatan, mengenakan sekatan yang ketara terhadap peruntukan kepada dan penerimaan oleh pegawai kerajaan dan ahli keluarga mereka terhadap hadiah, perjalanan, makanan dan hiburan. Undang-undang, kaedah dan peraturan ini berbeza mengikut bidang kuasa dan sangat kompleks.

Pegawai dan pekerja FedEx tidak boleh memberikan atau menyalurkan apa-apa hadiah, perjalanan, makanan atau hiburan kepada mana-mana pegawai kerajaan persekutuan A.S., negeri atau tempatan atau ahli keluarganya. Dalam situasi yang sangat terhad apabila seorang pegawai atau pekerja FedEx percaya bahawa pemberian mana-mana dari item ini mungkin sesuai, dengan kelulusan daripada bahagian hal ehwal kerajaan FedEx harus diperoleh terlebih dahulu sebelum apa-apa pemberian, perjalanan, makanan atau hiburan.

Di samping itu, jabatan hal ehwal kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan FedEx dengan pelbagai undang-undang persekutuan A.S., negeri dan tempatan yang mengawal aktiviti melobi dan pelaporan. Oleh itu, apa-apa hubungan atau komunikasi, sama ada bertulis atau lisan, yang dibuat untuk atau bagi pihak FedEx oleh pegawai atau pekerja FedEx dengan pegawai kerajaan yang tertentu mestilah terlebih dahulu diluluskan oleh jabatan hal ehwal kerajaan.

S: **Seorang pegawai bukan kerajaan A.S. telah menawarkan untuk mempercepatkan kelulusan lesen perniagaan kita jika kita mengambil anaknya sebagai seorang pelatih. Patutkah kita melakukan ini?**

J: Tidak. Anda tidak boleh membayar atau menawarkan untuk membayar “apa sahaja yang bernilai,” sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan niat untuk mempengaruhi pegawai kerajaan untuk melakukan apa-apa tindakan rasmi. “Apa sahaja yang bernilai” bukan sahaja wang – ia juga boleh termasuk latihan amali dan tawaran kerja untuk ahli keluarga, pertolongan, sumbangan amal, hadiah, makanan, hiburan dan perbelanjaan perjalanan. Dalam memberi respons kepada tawaran tersebut, enggan untuk mengambil tindakan yang diminta oleh pegawai tersebut dan menjelaskan bahawa dasar FedEx melarang mempertimbangkan permintaan yang begitu. Jelaskan bahawa keengganan anda adalah secara muktamad dan pastikan bahasa badan dan pilihan kata-kata anda tidak akan disalah faham. Juga dengan segera laporkan permintaan tersebut kepada pengurus anda dan jabatan undang-undang syarikat anda.

Kawalan Perdagangan Antarabangsa

Undang-undang kawalan perdagangan antarabangsa mengawal pemindahan barangan, perkhidmatan, perisian dan teknologi merentasi sempadan negara. FedEx komited untuk mematuhi semua undang-undang kawalan perdagangan yang terpakai, termasuk yang menangani kawalan import, eksport ke atas kedua-dua item ketenteraan dan “dwiguna,” serta sekatan perdagangan dan ekonomi.

Undang-undang dan peraturan kawalan import dan eksport antarabangsa direka untuk, antara lain, melindungi keselamatan global dan meningkatkan usaha memerangi keganasan. FedEx mengekalkan dasar dan prosedur yang menyeluruh untuk menyokong pematuhan kawalan import dan eksport, yang direka untuk membantu memastikan bahawa FedEx:

- Tidak beroperasi di dalam atau menyediakan perkhidmatan kepada negara yang dikenakan sekatan ekonomi oleh A.S. atau orang yang dikenakan sekatan;
- Tidak menerima penghantaran yang pengangkutan, pengimportan, atau pengeksportan adalah dilarang oleh undang-undang atau peraturan;
- Tidak memindahkan atau mengangkut teknologi, peralatan, atau perisian yang dikawal tanpa lesen import dan eksport yang diperlukan; dan

- Menyaring semua pakej untuk mengenal pasti mana-mana penghantar atau penerima di senarai pihak terhad kerajaan yang berkaitan.

FedEx juga dilarang daripada mengambil bahagian dalam boikot asing yang tidak disekat oleh kerajaan AS. Kegiatan yang dilarang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perjanjian untuk menolak atau penolakan sebenar untuk menjalankan perniagaan dengan negara atau syarikat tertentu yang disenarai hitam oleh kerajaan lain. Dengan segera memberitahu jabatan undang-undang syarikat anda tentang apa-apa permintaan berkaitan boikot yang anda mungkin terima.

Semua ahli pasukan FedEx yang terlibat dalam penghantaran import dan eksport bagi pihak FedEx dan pelanggan kita mesti memahami dan mematuhi sepenuhnya dasar dan prosedur kawalan perdagangan antarabangsa FedEx. Pelanggaran undang-undang dan peraturan A.S. dan antarabangsa yang mengawal perdagangan antarabangsa boleh menyebabkan FedEx dan individu yang bertanggungjawab berpotensi menerima hukuman jenayah dan sivil yang ketara, termasuk hukuman penjara, denda dan penafian keistimewaan eksport.

S: Apakah sebenarnya “kawalan perdagangan?”

J: Terma ini digunakan untuk merujuk kepada kumpulan kolektif undang-undang dan peraturan antarabangsa yang mengawal pengangkutan fizikal barangan menyeberangi sempadan; pelepasan/pendedahan teknologi dan perisian kepada sesiapa yang bukan warganegara atau penduduk tetap A.S.; perdagangan dan urus niaga dengan sasaran yang dikenakan sekatan, seperti yang ditetapkan oleh A.S. dan kerajaan lain; dan peraturan yang mengawal pengimportan dagangan dan pembayaran duti kastam ke atas import ini.

S: Saya bekerja dengan FedEx di luar A.S. Adakah undang-undang kawalan perdagangan A.S. dikenakan terhadap operasi syarikat saya?

J: Ya. FedEx ialah syarikat yang berpangkalan di A.S., dan operasi semua syarikat FedEx, yang terletak di mana sahaja, berpotensi untuk tertakluk kepada undang-undang dan peraturan kawalan perdagangan A.S. Undang-undang dan peraturan kawalan perdagangan bukan A.S. juga boleh dikenakan. Hubungi jabatan undang-undang syarikat anda untuk panduan.

Pencegahan Pengubahan Wang Haram

Pengubahan wang haram ialah menjalankan atau mencuba untuk menjalankan urus niaga kewangan dengan mengetahui bahawa urus niaga tersebut direka secara keseluruhan atau sebahagian untuk menyembunyikan atau menyamari sifat, lokasi, sumber, pemilikan atau kawalan daripada hasil aktiviti haram yang ditetapkan. FedEx komited untuk membantu pihak berkuasa kerajaan dalam mengesan, mencegah dan membanteras pembiayaan jenayah dan keganasan serta aktiviti yang dicapai melalui pengubahan wang haram, dan tidak akan terlibat dalam apa-apa pengaturan yang telah dikenal pasti sebagai satu cara untuk pengubahan wang haram.

Petunjuk pengubahan wang haram boleh termasuk permintaan daripada pelanggan, Kontraktor atau pembekal untuk bayaran tunai, terma pembayaran yang luar biasa, pemindahan dana ke atau dari negara yang tidak berkaitan dengan urus niaga tersebut atau aktiviti lain di luar tatalaku yang biasa. Jika anda berasa curiga tentang kemungkinan aktiviti pengubahan wang haram, hubungi jabatan undang-undang syarikat anda dengan segera.



Perlindungan dan Penggunaan Sumber Syarikat

FedEx menyediakan kemudahan, peralatan, pengangkutan dan sumber teknologi untuk digunakan apabila menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk FedEx. Sumber ini termasuk komputer, perisian, peranti mudah alih, harta, peralatan pejabat, peralatan pengangkutan dan bekalan. Anda perlu melindungi sumber FedEx dan memastikan mereka digunakan dengan cekap dan betul. Kecurian, kecuiaan dan pembaziran memberi kesan langsung kepada keuntungan kita.

Sumber komputer kita, termasuk sistem e-mel, perkhidmatan Internet dan peranti capaian jauh seperti telefon pintar disediakan untuk membantu anda melakukan kerja anda. Dalam menggunakan sumber ini, anda diharapkan untuk bertindak secara bertanggungjawab terhadap pekerja, sistem dan sumber FedEx. Kegunaan peribadi yang minimum boleh diterima jika penggunaan itu dibenarkan dalam syarikat FedEx anda dan oleh pengurus atau Kenalan Syarikat anda, dan tidak mengganggu tugas anda, keperluan perniagaan pekerja lain atau memberi perkhidmatan kepada pelanggan. Jangan sekali-kali menggunakan sumber komputer untuk tujuan menyalahi undang-undang, seperti memuat turun, menyalin atau menghantar bahan hak cipta (cth, muzik dan filem).

Untuk perlindungan FedEx, dan juga diri anda sendiri, anda perlu mematuhi undang-undang yang mengawal hak cipta, penggunaan adil bahan hak cipta yang dimiliki oleh orang lain, cap dagangan dan harta intelek yang lain, termasuk hak cipta, cap dagangan dan harta intelek FedEx. Begitu juga, FedEx memerlukan bahawa perisian komputer diagihkan hanya mengikut terma perjanjian lesen yang berkenaan dan sebarang penggunaan perisian sumber terbuka hendaklah diluluskan terlebih dahulu. Di samping itu, sumber komputer (selain daripada papan buletin tertentu yang ditetapkan) tidak boleh digunakan untuk usaha perniagaan luar, tujuan politik atau mana-mana permintaan yang dilarang oleh dasar syarikat anda.

Jangan mengakses, menghantar atau memuat turun apa-apa maklumat yang mungkin mengandungi gangguan dan membuli atau yang secara munasabah boleh dilihat sebagai mengancam, menakutkan, ganas, berniat jahat, lucah atau diskriminasi terhadap pekerja, pelanggan atau pembekal. Contoh maklumat tersebut termasuk ancaman keganasan atau kecederaan fizikal, pernyataan bertujuan berniat jahat merosakkan reputasi seseorang, atau mesej yang boleh mewujudkan persekitaran kerja yang bermusuhan atas dasar bangsa, warna kulit, agama, negara asal, jantina, umur atau mana-mana ciri yang dilindungi oleh undang-undang atau dasar FedEx. Juga perlu diingat bahawa "membanjiri" sistem FedEx dengan mel remeh, trivia atau jenaka mewujudkan liabiliti untuk syarikat apabila diambil di luar konteks, menghalang keupayaan sistem kita untuk mengendalikan perniagaan syarikat yang sah, dan tidak dibenarkan. E-mel perlu menjadi fokus projek dan berasaskan fakta.



Cuba hadkan penggunaan e-mel di tempat kerja anda hanya untuk tujuan perniagaan sahaja.

Perlindungan dan Penggunaan Sumber Syarikat

Melainkan dilarang oleh undang-undang, kami berhak untuk mendapatkan semula komputer FedEx, peranti mudah alih dan apa-apa maklumat anda yang disimpan pada pelayan FedEx dan untuk mengakses, menyemak dan mendedahkan

segala maklumat yang terkandung dalamnya pada bila-bila masa untuk apa-apa sebab, dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran anda. Sentiasa mengamalkan pertimbangan yang baik apabila menggunakan sumber komputer FedEx.

S: Bolehkah saya menggunakan akaun e-mel FedEx saya untuk menghantar mesej peribadi kepada rakan dan keluarga?

J: Penggunaan rangkaian komputer FedEx, termasuk e-mel, adalah keutamaannya untuk tujuan perniagaan. Walau bagaimanapun, jika penggunaan anda mematuhi dasar FedEx yang berkenaan dan tidak mengganggu prestasi kerja anda atau orang lain, anda boleh menggunakan akaun e-mel FedEx anda untuk mesej peribadi. Bagaimanapun harus diingat bahawa e-mel syarikat adalah tidak peribadi. Melainkan dilarang oleh undang-undang, kami berhak untuk menyemak e-mel yang dihantar melalui rangkaian kami atau menggunakan peranti yang dikeluarkan oleh FedEx tanpa notis kepada anda. Jika mesej anda adalah sangat peribadi atau sulit, anda sepatutnya tidak menghantarnya dengan menggunakan sistem atau peranti FedEx.

S: Saya menerima mesej e-mel yang menyakitkan hati. Apakah yang saya harus lakukan?

J: Melainkan jika anda merasakan bahawa laporan segera adalah wajar, minta pengirim tersebut berhenti menghantar e-mel yang menyakitkan hati kepada anda. Jika penghantar tersebut adalah seorang pekerja atau Kontraktor FedEx dan dia menghantar bahan yang menyakitkan hati secara berterusan (atau jika anda merasakan bahawa kejadian awal wajar dilaporkan dengan segera), anda perlu segera melaporkannya kepada pengurus anda atau jabatan sumber manusia syarikat anda atau menggunakan proses aduan dalam syarikat anda. Jika penghantar adalah dari luar FedEx, hubungi kakitangan teknologi maklumat FedEx yang menyediakan perkhidmatan di kawasan anda untuk meminta supaya mesej seterusnya dari sumber ini disekat.

S: Saya mendengar daripada pengurus saya bahawa beberapa e-mel beliau telah digunakan terhadap FedEx dalam tuntutan mahkamah yang difailkan oleh salah seorang bekas ahli pasukan kami. Adakah terdapat kaedah tertentu yang perlu saya ikuti dalam usaha untuk mengelakkan situasi ini dari berlaku kepada diri saya?

J: Ya. E-mel boleh membawa pelbagai kesan negatif kerana FedEx mungkin perlu menyerahkan mereka kepada pihak ketiga dalam tindakan undang-undang dan perkara lain. Walaupun seolah-olah ia e-mel yang sesuai, apabila dilucutkan latar belakang dan konteks, boleh menyebabkan kemudaratan yang besar kepada syarikat di mata pekerja, pelanggan dan orang awam, dan juga boleh mendedahkan syarikat kepada risiko undang-undang yang ketara.

Apabila menjalankan perniagaan FedEx melalui e-mel dari komputer atau peranti mudah alih anda, labelkan dengan betul mesej yang mengandungi maklumat istimewa atau sulit, hadkan atau elakkan jenaka, jangan membuat spekulasi atau membuat kesimpulan, dan kekalkan e-mel fokus projek dan berasaskan fakta. Baca semula e-mel anda sebelum menghantar untuk memastikan anda tidak akan menyesal dengan apa yang anda katakan. Walaupun e-mel telah dipadam, ia boleh diambil kembali dan FedEx mungkin perlu menyerahkan e-mel tersebut (dan mana-mana lampiran) sebagai sebahagian daripada penyiasatan tuntutan mahkamah atau kerajaan. Sebuah mahkamah atau agensi kerajaan juga boleh mengsapina semua bahan dan peralatan serta mengesan dokumen asal. Memandangkan risiko ini, sebelum menghantar e-mel anda perlu mengambil kira sama ada perkara tersebut lebih baik dibincangkan secara peribadi atau melalui telefon. Kemukakan apa-apa e-mel secara terus kepada jabatan undang-undang syarikat anda jika anda percaya bahawa ia melibatkan perkara yang mungkin akan menyebabkan tindakan undang-undang.

Maklumat Sulit, Privasi dan Perlindungan Data serta Permintaan Media

Salah satu aset kami yang paling penting ialah maklumat yang kami jana dalam urusan perniagaan. Ini termasuk maklumat bukan awam yang mungkin jadi bahan kepada pelabur, berguna kepada pesaing atau sebaliknya berbahaya kepada FedEx atau pelanggan atau pekerja kami jika didedahkan dalam cara yang tidak dibenarkan (“Maklumat Sulit”). Maklumat Sulit termasuk rahsia perdagangan, maklumat bukan awam tentang aset proprietari perniagaan, pendapatan FedEx, teknologi, rancangan dan strategi perniagaan, harta intelek serta maklumat pembekal dan pelanggan. Melindungi Maklumat Sulit adalah sangat penting untuk pertumbuhan berterusan dan keupayaan untuk bersaing kami.

Perhatian mesti diambil untuk melindungi Maklumat Sulit FedEx. Anda mempunyai kewajipan untuk melindungi Maklumat Sulit dan tidak mendedahkan atau menyalahgunakan kedua-duanya semasa tempoh pekerjaan atau penglibatan anda dan selepas itu. Anda tidak boleh sekali-kali mendedahkan Maklumat Sulit dalam apa jua bentuk atau forum, termasuk di blog, laman media sosial, wiki, bilik sembang dalam talian, papan buletin elektronik atau forum Internet yang tersedia secara umum yang serupa.

Anda juga perlu mengamalkan dengan berhati-hati apabila membincangkan perniagaan FedEx di tempat awam di mana perbualan boleh didengari, seperti restoran atau lif. Elakkan membaca dokumen dengan Maklumat Sulit di tempat awam, seperti kapal terbang atau kereta api, dan tidak membuang dokumen tersebut di mana orang lain boleh mendapatkannya kembali. Anda harus mendedahkan Maklumat Sulit kepada pekerja FedEx lain hanya jika mereka mempunyai keperluan berkaitan dengan perniagaan yang sah untuk mengetahui maklumat tersebut. Di mana sesuai, dan selaras dengan dasar pengekalan dokumen yang terpakai dengan kerja anda, pelupusan dokumen yang mengandungi Maklumat Sulit perlu dilakukan dengan mencari. Anda mestilah tidak sekali-kali menggunakan Maklumat Sulit FedEx untuk keuntungan peribadi atau untuk faedah orang di luar FedEx.

FedEx juga sensitif dengan penyalahgunaan data peribadi, yang merupakan apa-apa maklumat yang boleh digunakan untuk mengenal pasti seseorang individu, seperti nama, alamat, nombor telefon, nombor pengenalan kebangsaan dan maklumat kesihatan (“Data Peribadi”). Anda perlu menghormati privasi semua pekerja, pelanggan dan Kontraktor FedEx. FedEx komited untuk mematuhi undang-undang dan peraturan perlindungan data yang berkenaan dengan pengumpulan, penggunaan, pemindahan dan pemusnahan Data Peribadi. Anda seharusnya hanya mengumpul atau mengakses Data Peribadi yang diperlukan sahaja untuk mencapai tujuan ia dikumpul atau diakses.

FedEx telah melaksanakan prosedur teknikal, pentadbiran dan fizikal untuk melindungi Maklumat Sulit dan Data Peribadi daripada kehilangan, penyalahgunaan atau pengubahsuaian. Jika anda menyedari bahawa Maklumat Sulit telah didedahkan dengan cara yang tidak dibenarkan, atau bahawa Data Peribadi telah disalahgunakan, hubungi bahagian undang-undang syarikat anda dengan segera.

Jika anda pernah dihubungi berkenaan dengan suatu perkara yang berkaitan FedEx oleh wartawan atau ahli lain media atau seorang penganalisa pelaburan, walaupun dengan satu soalan mudah, anda perlu segera merujuk orang tersebut ke jabatan komunikasi atau kepada jabatan perhubungan pelabur syarikat anda, mana yang bersesuaian. Ia adalah sangat penting untuk mempunyai seorang wakil untuk FedEx supaya kami boleh mengelak membuat kenyataan yang bercanggah.

Seksyen ini tidak menyekat komunikasi oleh atau antara pekerja mengenai gaji, waktu kerja atau terma dan syarat pekerjaan yang lain.

Sumber Lain:

[Dasar Keselamatan Maklumat](#)

[Garis Panduan Media Sosial](#)

S: Saya sangat mengesyaki yang rakan sekerja telah mencuri nombor kad kredit pelanggan FedEx. Bagaimanakah sepatutnya saya mengendalikannya?

J: Jangan menuduh rakan sekerja secara terus. Laporkan kebimbangan anda dengan serta-merta kepada pengurus anda, Sekuriti FedEx atau jabatan undang-undang syarikat anda. Jika anda tidak selesa melaporkan menerusi mana-mana saluran ini atau anda ingin kekal tanpa nama, anda perlu melaporkan kebimbangan anda melalui FedEx Alert Line.

S: Kami mengambil bekerja seseorang yang sebelum ini bekerja untuk pesaing. Dia menyedari maklumat proprietari dan sulit tentang bekas majikannya. Bolehkah dia berkongsi maklumat ini di FedEx?

